



**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI EKONOMI**

**PELAKSANAAN BANCI EKONOMI 2023**

1. Pada tahun ini, Jabatan Perangkaan Malaysia atau DOSM akan melaksanakan Banci Ekonomi 2023 yang mengumpul maklumat pertubuhan bagi tahun rujukan 2022. Banci ekonomi ini meliputi semua pertubuhan perniagaan dan “pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan” di Malaysia. Ia meliputi semua sektor ekonomi iaitu Pertanian, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian dan Perkhidmatan.
2. Banci Ekonomi 2023 merupakan banci ke-lima dilaksanakan setiap lima tahun sekali. Kali terakhir banci ekonomi dilaksanakan adalah pada tahun 2016 (bagi tahun rujukan 2015). Banci ini telah dirancang dilaksanakan pada tahun 2021 tetapi ianya terpaksa ditunda berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada Mac 2020.
3. Banci Ekonomi 2023 adalah banci pertama yang meliputi semua aktiviti ekonomi pada tahun rujukan yang sama (tahun rujukan 2022). Berbeza dengan banci ekonomi sebelum ini, subsektor Perdagangan Borong & Runcit pertama kali diliputi dalam Banci Ekonomi 2023 yang mana sebelum ini Banci Ekonomi dan Banci Perdagangan Borong & Runcit dijalankan secara berasingan.

**EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, 14 MAC 2023**

4. Banci Ekonomi 2023 dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) yang mana Seksyen 5 di bawah akta ini mengkehendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan Perangkaan Malaysia.
5. Dianggarkan sebanyak 1.2 juta pertubuhan akan diliputi dalam Banci Ekonomi 2023. Maklumat awal DOSM menganggarkan pertubuhan mikro adalah sebanyak 75.2 peratus, kecil 20.5 peratus, sederhana 1.6 peratus dan besar 2.7 peratus.
6. Bertemakan “Data Pemangkin Ekonomi Negara,” Banci Ekonomi 2023 adalah penting dilaksanakan bertujuan untuk menilai pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Menerusi banci ini juga, punca pertumbuhan baharu ekonomi dapat dikenalpasti dan DOSM berupaya menjana statistik ekonomi baharu yang signifikan untuk dipantau. Antara statistik baharu yang boleh dikeluarkan ialah statistik industri kenderaan elektrik dan *Unmanned Aircraft System* yang lebih dikenali sebagai dron.
7. Selain itu, Banci Ekonomi 2023 juga berupaya membekalkan statistik utama ekonomi sehingga ke peringkat daerah. Ini dapat membantu kerajaan persekutuan dan negeri untuk membuat perancangan strategik yang berkesan.
8. Penemuan daripada banci ini turut dapat meningkatkan kapasiti statistik data raya negara serta menjadi penanda aras baharu untuk

**EMBARGO SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI, 14 MAC 2023**

dijadikan sebagai *baseline figure* penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Jadual Input-Output dan pelbagai indeks.

9. Menyedari tentang kepentingan Banci Ekonomi 2023, semua “pertubuhan-pertubuhan perniagaan” dan “pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan” adalah disaran untuk memberi kerjasama sepenuhnya terhadap Banci Ekonomi 2023. Pertubuhan-pertubuhan boleh memberi maklum balas melalui pengisian maklumat dalam talian yang dikenali sebagai e-BE atau secara pos menggunakan borang soal selidik. Pembanci-pembanci DOSM juga akan mengumpul data melalui kaedah temuduga bersemuka. Banci ini bermula April 2023 dan berakhir September 2023. Data yang bertepatan masa dan tepat amatlah diperlukan supaya Kerajaan dan pengguna-pengguna data lain dapat membuat perancangan yang berkesan dan keputusan berdasarkan bukti atau fakta.
  
10. Maklumat lanjut berkaitan Banci Ekonomi 2023 boleh dilayari di portal Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).

**KEMENTERIAN EKONOMI**

**14 MAC 2023**